

Beberapa perubahan dibuat

KABINET BARU MINGGU DEPAN

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijangka mengumumkan Kabinet barunya pertengahan minggu depan, sesudah diketahui keputusan pilihanraya Sabah dan Sarawak, Isnin ini.

Menurut beliau, Kabinet barunya akan dibentuk secepat mungkin.

Kabinet 2M akan selaras dengan prinsip utama pentadbiran sekarang, yakni Bersih, Cekap dan Amanah.

Anggota-anggota Kabinet baru ini juga, terang beliau, akan mengandungi golongan terpelajar berkelulusan tinggi serta tokoh berpengalaman supaya mempunyai adunan tenaga lama dan baru.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga berhasrat membuat beberapa perubahan

■ Kabinet 2M itu akan selaras dengan prinsip utama pentadbiran sekarang, yakni Bersih, Cekap dan Amanah ■

Oleh JAMILAH ABD. HAMID

dalam Kabinetnya kelak. Kabinet 2M akan mengutamakan usaha menggalang segala jentera Kerajaan sekarang untuk mempastikan kelemahan-kelemahannya serta mencari jalan

mengatasinya. Kabinet ini juga akan menggalang semua ada proses pembangunan sekarang memerlukan pendekatan baru supaya sesuai dengan konsep Kerajaan Barisan Nasional yang Bersih,

Cekap dan Amanah.

Perdana Menteri dijangka mengumumkan beberapa muka baru dalam barisan Kabinetnya untuk memenuhi jawatan Menteri berikutan tidak terpilihnya Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Shariff Ahmad), Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Richard Ho) dan Menteri Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui), bertanding dalam pilihanraya kali ini.

Bagi jawatan Timbalan Menteri pula, terdapat tiga kekosongan. Timbalan Menteri yang tidak terpilih bertanding ialah Wilayah Persekutuan, Datuk Othman Rauf dan Datuk Abdullah Abdul Rahman di Jabatan Perdana Menteri. Sementara itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Abdul Rahim Thamby Chik, bertanding di kawasan Dewan Negeri.

Berita Minggu juga difahamkan, pertukaran beberapa portfolio akan berlaku dan seorang dua Timbalan Menteri akan dilantik Menteri penuh.



DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam mengukir senyum manis untuk berhadapan dengan kamera TV sebelum membuat kenyataan ringkas sebagai sahaja keputusan pilihanraya umum awal Jumaat lalu, membangkitkan Barisan Nasional berjaya memenubuhkan semula kerajaan di Malaysia.

Perdana Menteri dan Timbalannya riang kerana rakyat memberi semla mandat untuk BN memerintah dengan konsep Bersih, Cekap, Amanah.

Kegembiraan juga terpancar kerana keyakinan mereka menyerahkan kuasa kepada rakyat menerusi pilihanraya, disambut dengan positif, penuh keikhlasan.

Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa akan membentuk Kabinetnya seberapa segera, supaya sistem demokrasi berparlimen yang mendapat sokongan penuh rakyat, dapat disulitkan ke arah pembangunan serta pembinaan negara.

Kepada mereka, BN adalah parti yang tidak mempunyai batasan dan prasangka perkuaman.

Mandat yang diterimanya kali ini akan membolehkan mereka melaksanakan segala rancangan pembangunan tanpa keraguan dan kebuntuan.

Namun demikian, adalah menjadi harapan kedua penganjur ini agar rakyat akan berterusan berganding bahu dengan Kerajaan, menjunjung keluhuran undang-undang, taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kerana ciri-ciri inilah yang menjadi inti kepada kukuhkan sistem demokrasi berparlimen di Malaysia.

Foto: SOONG HON SIN